

# Kem Matematik Bestari Ke-13

Artikel oleh: Yong Enn Lun

Pada 5 hingga 7 Oktober 2012 Sekolah Sains dan Teknologi dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Sabah Keningau dan Pengawai Pelajaran Daerah Keningau telah menganjurkan Kem Matematik Bestari yang ke-13 di Keningau, Sabah. Kem yang dipengerusi oleh Dr. Saafie Salleh dengan pengarah oleh saudari Winnie Chin Fun Lee itu mendapat sambutan baik dan disertai oleh 40 pelajar beberapa sekolah menengah, seperti S.M. St. Francis Xavier, S.M.K. Apin-apin, S.M.K. Bingkor, S.M. St. Martin Tambunan, S.M.K. Keningau, S.M.K. Sook, S.M. Vokasional, S.M.K. Gunsanad 2 dan S.M. Ken Hwa. Kem yang bertempat di Bangunan Arena, Kementerian Belia dan Sukan Sabah Keningau tersebut telah berlangsung selama tiga hari dan beberapa aktiviti telah dianjurkan dengan berjaya, seperti quiz matematik, teknik dan strategi penyelesaian masalah matematik, dan lain-lain. Beberapa pensyarah SST juga dijemput untuk memberikan ceramah, iaitu P.M. Dr. Zaleha Abdul Aziz dan Dr. Abdullah Bade.

